

REAKSI CALON



“
Saya berlapang dada, akur dengan keputusan penduduk Permatang Pauh. Ini pengalaman paling berharga dan walaupun tewas, BN akan terus berkhidmat di sini”

Suhaimi Sabudin,
 Calon BN



Majoriti undi PKR menurun

» *Penurunan 2,880 berbanding 11,721 undi diperoleh Anwar pada PRU Ke-13*

Oleh **Fazli Abdullah, Wan Jailani Razak, M Hifzuddin Ikhsan, Siti Fatimah Mohamed Anwar, Faridzwan Abdul Ghafar, Muhammad Yusri Muzamir, Nur Izzati Mohamad, Errah Amran, Anis Nabila Md Wazilah dan Mohd Alif Alias**
 bhnews@bh.com.my

► **Bukit Mertajam**

PKR mengekalkan kerusi Parlimen Permatang Pauh dengan majoriti undi menurun pada Pilihan Raya Kecil (PKR) kawasan berkenaan, semalam.

Calonnya, Datin Seri Dr Wan

Azizah Wan Ismail memperoleh 30,316 undi, kelebihan 8,841 undi bagi menewaskan calon BN, Suhaimi Sabudin yang mendapat 21,475 undi.

Bagaimanapun, majoriti undi PKR berkurangan sebanyak 2,880 berbanding 11,721 undi yang diperoleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13.

Hilang wang pertaruhan

Dua lagi calon, Azman Shah Othman dari Parti Rakyat Malaysia (PRM) serta calon Bebas,

Salleh Isahak, masing-masing hanya memperoleh 101 dan 367 undi, sekali gus hilang wang pertaruhan. Jumlah undi rosak pula 843.

Keputusan PRK berkenaan diumumkan oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya, Jusni Ismail di pusat penjumlahan undi di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), di sini, jam 10.17 malam tadi.

Seramai 53,145 orang atau 74 peratus daripada 71,890 pengundi berdaftar di kawasan Parlimen Permatang Pauh menunaikan tanggungjawab mereka di 24 pusat mengundi membabitkan 132 saluran.

Kemenangan Dr Wan Azizah semalam adalah yang keempat buat Presiden PKR itu di Permatang Pauh selepas PRU 1999, PRU 2004 dan PRU 2008. Beliau pernah meletak jawatan bagi memberi laluan ke-



pada Anwar bertanding melalui PRK Permatang Pauh pada tahun 2008.

Pada PRU-13 dua tahun lalu, Anwar memperoleh 37,090 undi bagi menewaskan calon BN. Dr Mazlan Ismail dengan majoriti 11,721 undi, manakala calon Bebas, Dr Abdullah Zawawi Samsudin hanya mendapat 201 undi.

INFO

Keputusan PRK P44 Parlimen Permatang Pauh

- ⊙ Suhaimi Sabudin (BN): **21,475**
- ⊙ Salleh Isahak (Bebas): **367**
- ⊙ Dr Wan Azizah Wan Ismail (PKR): **30,316**
- ⊙ Azman Shah Othman (PRM): **101**

Jumlah pengundi: 71,890

- ⊙ Jumlah keluar mengundi: **53,135**
- ⊙ Jumlah undi diterima: **52,259**
- ⊙ Undi rosak: **843**
- ⊙ Undi tidak dipulangkan: **43**
- ⊙ Peratusan pengundian: **74 peratus**
- ⊙ Majoriti: **8,841**



“
Terima kasih kepada pimpinan PKR, PAS dan DAP, pegawai SPR dan polis yang memastikan PRK berjalan lancar. Saya bersyukur dengan kemenangan ini”

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail,
Calon PKR

BN azam tawan Permatang Pauh PRU-14

Kuala Lumpur: Datuk Seri Najib Razak menegaskan, Barisan Nasional (BN) akan meningkatkan lagi azam untuk mencapai kejayaan di kawasan Parlimen Permatang Pauh.

Perdana Menteri yang merujuk keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Permatang Pauh yang menyaksikan BN berjaya mengurangkan majoriti undi PKR walaupun tewas, turut berterima kasih atas usaha semua pihak sepanjang PRK berkenaan.

“Terima kasih atas usaha semua di Permatang Pauh. @barisanasional akan tingkatkan lagi azam untuk berjaya pada

pilihan raya akan datang,” katanya yang juga Pengerusi BN dalam twitter @NajibRazak, malam tadi.

Di Milan, Tan Sri Muhyiddin Yassin turut berterima kasih kepada semua pemilih di Parlimen Permatang Pauh yang mengundi calon BN, Suhaimi Sabudin pada PRK kawasan itu.

Terima hati terbuka

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Pengerusi BN berkata, walaupun kemenangan tidak berpihak kepada BN, parti menerima dengan hati terbuka keputusan yang dibuat oleh pengundi.

“Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh jentera BN yang telah bertungkus-lumus berkempen untuk calon BN. Ini termasuk jentera BN Pusat, negeri, bahagian serta negeri dan bahagian angkat,” katanya kepada wakil media Malaysia, malam tadi.

Muhyiddin yang berada di Milan untuk lawatan kerja tiga hari mulai semalam, turut berterima kasih kepada Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi selaku Pengarah Jentera BN-PRK Permatang Pauh; Pengerusi UMNO Pulau Pinang, Datuk Seri Zainal Abidin Osman dan Pe-

ngerusi BN negeri, Teng Chang Yeow yang membantu memimpin jentera BN pada kempen PRK itu.

“Kepada jentera dan penyokong BN di Permatang Pauh, usah patah semangat. Teruskan usaha untuk memastikan kemenangan BN pada pilihan raya akan datang. Bagi UMNO Permatang Pauh khususnya, saya percaya kepemimpinan baharu bahagian telah melakar beberapa perubahan.

“Insya-Allah dengan usaha padu seluruh barisan kepimpinan dan ahli, UMNO Permatang Pauh akan dapat meningkatkan sokongan pengundi kepada BN,” katanya.